

PERATURAN PERMAINAN SKUASY

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang – undang Permainan

1.1.1 Mengikut undang-undang dan peraturan yang digunapakai oleh Persatuan Squash Malaysia (SRAM) atau *Asia Squash of Federation (ASF)* atau *World Squash of Federation (WSF)*.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2022.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Jenis Pertandingan

2.1.1 Pertandingan ini dijalankan secara Individu Lelaki dan Wanita.

2.2 Pendaftaran Pemain

2.2.1 Individu Lelaki & Wanita

2.2.2 Setiap IPT dibenarkan mendaftar 3 orang (lelaki) sahaja dan 3 orang (wanita) sahaja. Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut:

SUKAN	ATLET		PEGAWAI		JUMLAH
	LELAKI	WANITA	LELAKI	WANITA	
Individu	3	3	2	2	10

2.2.3 Pendaftaran pemain hendaklah dibuat secara online melalui website rasmi SUKIPT 2022.

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Sistem pertandingan untuk Kejohanan ini akan dijalankan secara sistem Kalah Mati (*Knock Out System*).

2.3.2 Setiap perlawanan bermula dari peringkat awal hingga akhir akan bermain "*best of 5*". Setiap perlawanan akan menggunakan sistem kiraan "*American scoring*".

2.4 Referi Kehormat

2.4.1 Referi bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan yang dipertandingkan mulai dengan peringkat awal hingga perlawanan akhir.

2.5 Kelewatan

2.5.1 Setiap pemain diberi tempoh masa selama 15 minit dari masa perlawanan yang telah ditetapkan sebelum diistiharkan kemenangan percuma kepada pihak lawan kecuali telah berhubung dan mendapat kebenaran daripada pengelola.

2.6 Penangguhan

2.6.1 Rujuk Perkara 11 Peraturan Am SUKIPT 2022.

2.6.2 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh. Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta merta.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT 2022.

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT 2022.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Individu Lelaki	1	1	1	1	1	1
Individu Wanita	1	1	1	1	1	1
JUMLAH	2	2	2	2	2	2